

Malaysia minta Vietnam pantau kegiatan nelayan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia meminta Vietnam mengambil langkah konkrit bagi memastikan nelayan negara berkenaan tidak mencero boh perairan negara ini dan bertindak agresif apabila ditahan pihak berkuasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, tindakan provokatif nelayan Vietnam terhadap nelayan negara ini sejak kebelakangan ini perlu diberikan perhatian.

Beliau berkata, pencerobohan itu berkait rapat dengan isu dan aktiviti perikanan secara haram dalam perairan Malaysia, malah aktiviti sedemikian menjejaskan mata pencarian nelayan-nelayan negara ini.

“Atas keprihatinan kerajaan berhubung isu ini, saya meminta Kerajaan Vietnam mengambil langkah konkrit,” katanya dalam sidang akhbar sempena rangka lawatan sulung beliau ke negara berkenaan yang berakhir semalam.

Ismail Sabri berkata, dalam konteks kesepakatan, kredibiliti dan pemusatan ASEAN, beliau menggariskan keperluan rantau ini mencapai dan mengukuhkan



ISMAIL Sabri Yaakob bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah dalam sidang akhbar sempena lawatan ke Vietnam di Putrajaya, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

kesepakatan berhubung isu-isu dalaman dan antarabangsa.

Katanya, pendekatan itu akan terus menjaga kepentingan dan kredibiliti ASEAN

yang mana disambut baik oleh Perdana Menteri Vietnam.

Berhubung isu Laut China Selatan, Ismail Sabri menyatakan, pendirian Malaysia supaya

negara-negara anggota ASEAN, khususnya negara-negara penuntut (*claimant states*), berusaha mencapai kesepakatan atau pendirian bersama.